

SH 20/8/2019 nis 20

25 pukat bubu naga dirampas

SEKINCHAN - Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang menggagalkan kegiatan penggunaan pukat bubu naga yang dipercayai didalangi nelayan warga asing menerusi Op Pintasan di perairan Sekinchan di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputi Superintendant Khairuddin Jamal berkata, kegiatan itu dikesan kira-kira jam 8.30 pagi apabila mendapati sebuah bot yang dalam keadaan mencurigakan.

"Bot dipercayai dinaiki dua lelaki warga asing itu bagaimanapun enggan berhenti sebelum memecut ke kawasan tepi pantai.

"Nelayan terbabit bagaimanapun meloloskan diri ke dalam hutan bakau," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan di atas bos mendapati terdapat 25 pukat bubu naga serta pelbagai jenis hasil tangkapan ikan seberat lima kilogram.

Katanya, pihaknya kemudian bertindak merampas bot bersama enjinnya bernilai RM20,000 dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985.

Sementara itu, dalam kes berlainan, seorang tekong warga tempatan berusia 37 tahun ditahan mengikut Akta Perkapalan Saudagar 1952 kerana mengendalikan bot tanpa lesen.

"Tangkapan dibuat di perairan Sungai Kuala Selangor kira-kira jam 10 pagi kelmarin susulan pemeriksaan sebuah bot penumpang," katanya.



PPM Pelabuhan Klang mengesahkan kegiatan penggunaan pukat bubu naga oleh nelayan warga asing.